



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAMPUNG SANTAN SELATAN DIKTIRAF SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT MADANI

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui penganjuran Karnival MADANI bertemakan “Menyemai Kasih, Menyantuni Komuniti” hari ini mengiktiraf Kampung Santan Selatan, Kangar, Perlis sebagai Kampung Angkat MADANI. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh kesejahteraan komuniti luar bandar melalui penambahbaikan infrastruktur, kemudahan asas dan pembangunan sosial yang menyeluruh.

Majlis peluncuran pengiktirafan ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis. Dalam majlis yang sama, Baginda turut berkenan mengurniakan cermin mata kepada seramai 29 orang warga emas dan 36 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Santan. Selain itu, baginda juga turut menyampaikan bantuan barangan keperluan harian kepada 300 orang asnaf di sekitar Kampung Santan Selatan sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat setempat.

Pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI di Kampung Santan Selatan memberi tumpuan kepada pembangunan sepuluh projek fizikal dan dua projek bukan fizikal dengan peruntukkan keseluruhan berjumlah RM1 juta. Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan termasuk penaiktarafan infrastruktur dan perolehan aset Klinik Desa Kampung Santan, penambahbaikan pengurusan sisa pepejal melalui naik taraf tapak dan pengagihan tong sampah individu, pembinaan papan tanda serta tembok jalan, dan kerja-kerja menaik taraf Masjid Nurus Said Kampung Santan.

Selain itu, pembangunan kampung turut merangkumi pemasangan kemudahan WiFi dan penaiktarafan Dewan Orang Ramai Seri Santan bagi menyokong aktiviti kemasyarakatan, penurapan semula jalan sekitar kampung serta pembinaan longkang dan sistem saliran ke kawasan sawah dan jalan masuk ke ladang. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan keselamatan, keselesaan dan kualiti hidup penduduk secara berterusan.

Kejayaan pelaksanaan program ini didorong oleh kerjasama erat daripada pelbagai pihak termasuk Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Jabatan Kerja Raya, Focus Point Vision Care Group Sdn. Bhd., Institut Jantung Negara dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan. Jaringan kerjasama rentas agensi ini memastikan setiap projek dapat dilaksanakan secara tersusun dan memberi impak langsung kepada komuniti setempat.

KKM melalui Karnival MADANI: Menyemai Kasih, Menyantuni Komuniti turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Usaha kolektif ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara agensi dan masyarakat, malah menyatukan penduduk sebagai satu komuniti yang saling menyokong demi kemajuan bersama.

-TAMAT-

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesihatan Malaysia

18 Januari 2026